

Pelaksanaan Wakaf Tunai, Wakaf Perak Ar Ridzuan (WPAR) 2016-2021

Implementation of Cash Waqf, Wakaf Perak Ar Ridzuan (WPAR) 2016-2021

**Noraini Mohamed, Muhammad Akramin Kamarul Zaman* &
Mohd Noor Daud**

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

***Corresponding author:** akramin@fsk.upsi.edu.my

Published: 20 June 2023

To cite this article (APA): Mohamed, N., Kamarul Zaman, M. A., & Daud, M. N. (2023). Implementation of Cash Waqf, Wakaf Perak Ar Ridzuan (WPAR) 2016-2021: Pelaksanaan Wakaf Tunai, Wakaf Perak Ar Ridzuan (WPAR) 2016-2021. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 1(1), 1–14. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol1.1.1.2023>

Abstrak

Wakaf tunai merupakan instrumen yang sangat berpotensi dalam menjana pembangunan ekonomi dan kesejahteraan ummah. Di negeri Perak, Wakaf Perak Ar Ridzuan (WPAR) yang dilancarkan pada tahun 2015 bertujuan mengatasi isu kekurangan dana tunai. Namun kutipan dana tunai didorong faktor kecekapan promosi dan pelaksanaan projek-projek wakaf. Kajian ini bertujuan menjelaskan pelaksanaan wakaf tunai WPAR bagi tahun 2016 hingga tahun 2021. Kajian ini berbentuk kualitatif menerusi protokol temubual separa berstruktur keatas pegawai Majlis Agama Islam Perak (MAIPk) dan kakitangan agensi yang terlibat dalam mengurus wakaf tunai. Hasil kajian mendapati, pelaksanaan wakaf tunai menumpukan empat bidang utama iaitu ekonomi, pendidikan, kesihatan dan keagamaan. Dalam bidang ekonomi, dana wakaf bot dan waqf business centre (WBC) dapat meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat di Perak. Manakala dalam bidang Pendidikan, tumpuan kepada wakaf bangunan kediaman pelajar dan program-program ilmu. Sementara dalam bidang kesihatan, telah dibina kemudahan pusat hemodialisis serta dalam aspek keagamaan pula diwujudkan dana pembangunan maahad tahfiz dan perkembangan ilmu al Quran. Walaupun begitu, kekurangan sumber manusia dalam mempromosi wakaf tunai menyebabkan penyampaian informasi WPAR terbatas dan kutipan dana tunai menjadi perlahan. Dapatan kajian ini, membuktikan bahawa, peningkatan kutipan dana WPAR dipengaruhi oleh strategi promosi yang didokong oleh sumber manusia yang mencukupi. Implikasi hasil pendanaan, pengembangan dan penggunaan dana wakaf dapat dimanfaatkan secara optimum dalam kalangan masyarakat. Justeru, perhatian serius daripada pihak berwajib dalam menyediakan sumber tenaga yang mencukupi, kerjasama serta sokongan semua pihak bagi memastikan matlamat penubuhan WPAR dalam memperkasa dan melestarikan wakaf tunai dapat dicapai.

Kata kunci: wakaf, pelaksanaan, wakaf tunai, wakaf Perak Ar Ridzuan

Abstract

Cash waqf is a very potential instrument in generating economic development and the well-being of the community. In the state of Perak, Wakaf Perak Ar Ridzuan (WPAR) which was launched in 2015 aims to overcome the issue of lack of cash funds. However, the collection of cash funds is driven by the efficient promotion and implementation of waqf projects. This study aims to explain the implementation of WPAR cash waqf for the year 2016 to 2021. This study is qualitative through a semi-structured interview protocol with officials of the Perak Islamic Religious Council (MAIPk) and agency staff involved in managing cash waqf. The results of the study found that the implementation of cash waqf focuses on four main areas, namely economy, education, health and religion. In the economic field, boat waqf fund and waqf business center (WBC) can increase the income and standard of living of the people in Perak. While in the field of Education, the focus is on endowment of student residential buildings and science programs. While in the field of health, hemodialysis center facilities have been built and in the religious aspect, a fund has been created for the development of maahad tahfiz and the development of the knowledge of the Quran. Even so, the lack of human resources in promoting cash waqf causes the delivery of WPAR information to be limited and the collection of cash funds to slow down. The findings of this study prove that the increase in WPAR fundraising is influenced by a promotional strategy supported by adequate human resources. The implications of the funding, development and use of waqf funds can be optimally utilized in the community. Therefore, serious attention from the authorities in providing sufficient energy resources, cooperation and support from all parties to ensure that the goal of establishing WPAR in empowering and sustaining cash waqf can be achieved.

Keywords: waqf, implementation, waqf cash, wakaf Perak Ar Ridzuan

Pengenalan

Amalan wakaf yang telah bermula sejak zaman Nabi Muhammad S.A.W, telah berkembang baik sehingga ke hari ini dan dapat dilihat dalam bentuk baharu melalui instrumen wakaf tunai. Perkembangan wakaf tunai yang amat memberangsangkan di negara-negara lain, turut mempengaruhi amalan wakaf tunai di Malaysia. Amalan wakaf tunai di negara ini mempunyai potensi yang besar bagi meningkatkan ekonomi, pendidikan, taraf hidup dan kemudahan-kemudahan berkaitan. Hal ini secara tidak langsung, dapat membantu kerajaan mempertingkatkan penyediaan prasarana yang lebih baik dalam memacu pembangunan negara dengan lebih seimbang. Melalui medium wakaf tunai ini juga, setiap individu berpeluang memberikan sumbangan wakaf berdasarkan tahap kemampuan masing-masing. Wakaf tunai yang berpotensi tinggi perlu dikembangkan sebagaimana yang disampaikan oleh Datuk Dr Mohd Daud Bakar bersempena Majlis Perasmian Muktamar Iqlimi IV pada tahun 2017 di Universiti Sains Islam Malaysia,

“Aset wakaf perlu mencetuskan aset wakaf yang baharu. Bukan sekadar dibiayai, diselenggara malah tidak menurun dan bertambah. Ia perlu tambah aset baharu. Aset wakaf berpotensi untuk dikembangkan dan mencetuskan asset wakaf yang baru”.

Dengan mengambil contoh di Harvard, Oxford dan Cambridge, aset yang sedikit dilaburkan, supaya bertambah asetnya. Setiap bangunan kolej di Cambridge, di Oxford dan di Harvard seperti King College, ianya dibina menggunakan wang hasil daripada *endowment* dan

bukan daripada bantuan kerajaan. Wang penjanaan wakaf yang asal, perlu diperhebatkan supaya wakaf mencipta lebih banyak wakaf (Mohammad Zaharuddin Zakaria et.al, 2019).

Sehubungan itu, pengurusan dana wakaf menerusi penubuhan institusi secara khusus atau badan korporat menjadikan pengumpulan dan pengembangan wakaf dapat dipertingkatkan (Fidlizan, 2019). Wakaf tunai yang berkembang rancak semakin mendapat perhatian masyarakat Islam hari ini. Keunggulan dana wakaf terbukti dapat mengangkat kegemilangan tamadun dan peradaban silam (Hasanuddin Yusoff, 2017). Bahkan, wakaf tunai menjadi elemen penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial ummat Islam.

Instrumen wakaf tunai merupakan bentuk wakaf kontemporari yang bertujuan untuk meningkatkan jumlah pewakaf di Malaysia, khususnya di Perak. Pemilikan wakaf tunai individu membolehkan semua peringkat lapisan berwakaf dengan mudah. Penglibatan amalan berwakaf dalam kalangan masyarakat di peringkat tempatan mahupun global, mampu menjana hasil pendapatan kepada rakyat dan negara (Razali Othman, 2013). Berwakaf melalui wang ringgit ialah satu kaedah alternatif yang efektif, berpotensi mengurangkan kadar kemiskinan khususnya untuk orang Islam. Instrumen ini memerlukan dana yang besar dalam menyokong usaha kerajaan mengurangkan kadar kemiskinan di Malaysia. Penelitian Haslindar, Afizar dan Tajul Ariffin melalui kajian Mohamad Salleh turut melaporkan wakaf tunai berpotensi untuk membangunkan sosioekonomi ummah (Mohamad Salleh Abdullah, 2009).

Selaras dengan hasrat kerajaan dalam Pelan Induk Wakaf Nasional (PIWN) 2021 untuk memperkasa institusi wakaf sebagai agenda negara, ia dilihat berpotensi dan mampu membantu perkembangan ekonomi dan sosial melalui kecairan sifat tunai yang dinamik. Wakaf tunai boleh mengembangkan peranan institusi wakaf itu sendiri dan meningkatkan mutu kehidupan masyarakat Islam dalam pelbagai aspek keagamaan, kesihatan, perkhidmatan dan pendidikan (Che Khadijah Hamid, 2010). Justeru, PIWN merupakan sebuah pelan holistik untuk memperkasakan pengurusan wakaf di Malaysia. Dalam Fokus Kelima dan Keenam RMK-12 telah menggariskan peranan utama yang perlu dimainkan oleh Institusi Wakaf dalam membantu “Keluarga Malaysia” keluar dari kepompong kemiskinan. Ia selaras dengan usaha mempelbagaikan sumber kewangan bagi membiayai perniagaan dan meningkatkan ekuiti Bumiputera. Langkah ini adalah untuk mengangkat wakaf sebagai agenda nasional kerana keupayaan konsep itu yang mampu melonjakkan ekonomi masyarakat dan negara (Berita Harian, 2021). Manfaat hasil wakaf tunai akan digunakan untuk kebajikan dan pembangunan ummah (JAWHAR, 2009).

Senario di Perak khususnya sangat relevan dipilih sebagai lokasi kajian, merupakan negeri yang mempunyai aset hartanah wakaf yang besar sejumlah 5,500 lot yang didaftarkan, tetapi hanya sebahagian yang dapat dibangunkan iaitu sejumlah 2,817 lot. Oleh yang demikian, sebanyak 51% hartanah wakaf yang terbiar memberi implikasi masa panjang yang merugikan manfaat dan jariah yang diniatkan oleh pewakaf. Dalam masa yang sama, hartanah tersebut menjadi aset beku yang tidak menjana apa-apa hasil yang sepatutnya boleh digunakan untuk kebaikan ummah. Sehubungan dengan itu, kecekapan pengurusan wakaf tunai perlu digembleng bagi memastikan kelestarian wakaf dapat dipelihara, seterusnya mewujudkan wakaf-wakaf baharu. (<https://wakafperak.maiamp.gov.my>).

Perkembangan Wakaf Tunai di Perak

Sejak awal perkembangan Islam, amalan wakaf difahami dengan penggunaan yang khusus kepada tujuan mendirikan masjid, sekolah agama dan tanah perkuburan (Megat Mohd Ghazali, M.A.R & Asiah, 2006). Namun, langkah penginstitutionan pentadbiran wakaf kini mewujudkan

perubahan dalam aspek mekanisme atau instrumen pendanaan, pengembangan dan penggunaan dana wakaf, serta strategi pemasaran produk. Beberapa mekanisme baharu sebagai sumber pendanaan kontemporari dalam pembangunan projek wakaf dicadangkan bagi mengatasi sumber dana terhad seperti saham, sukuk (Siti Mashitoh et.al, 2009), amanah pelaburan hartanah Islam (Syahnaz et.al, 2014) dan wakaf korporat (Asharaf, M.R. & Abdullaah,J, 2014).

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIAMP) pada hakikatnya telah melaksanakan wakaf tunai yang dikendalikan oleh Lembaga Amanah Masjid Negeri Perak dalam bentuk wang tunai. Peruntukan *statutory* mengenainya telah lama disempurnakan di bawah Peraturan 18(2), Peraturan Kawalan Waqaf 1959 bahawa: *Jawatankuasa Kawalan Waqaf Negeri boleh menerima wang tunai daripada siapa- siapa yang berhajat hendak mewaqafkan bagi faedah am dengan mengisi satu borang yang ditetapkan baginya.* (Siti Mahitoh, M 2007). Sehubungan itu Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) ialah pemegang amanah tunggal dan institusi yang bertanggungjawab menguruskan aset wakaf berdasarkan Enakmen Wakaf Negeri Perak (2015).

Atas tuntutan perkembangan wakaf tunai semasa, Wakaf Perak Ar Ridzuan atau dikenali (WPAR) yang ditubuhkan pada 18 Disember 2015 dalam Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu (MAIPk) kali ke-193 pada 18 Disember 2015 bertujuan untuk menguruskan pembangunan wakaf di Perak secara efisien. WPAR merupakan wakaf tunai yang julung kali dilaksanakan ini, telah dilancarkan pada 7 April 2016 oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Sultan Nazrin Muizzudin Shah (<https://wakafperak.maiamp.gov.my>). Kutipan dana WPAR memberi laporan kepada masyarakat bahawa sumbangan wakaf akan digunakan selaras dengan niat pewakaf bagi membiayai projek-projek wakaf yang dipilih. Di samping itu, dapat dilihat perkembangan semasa wakaf digunakan untuk tujuan yang pelbagai seperti pendidikan (Najibah. M & Mohd Zamro, M 2014), kesihatan (Norizah, M & Asmak A.R, 2015), perumahan, perniagaan (Asmak A.R, 2009), pertanian (Siti Mashitoh, M 2007) dan sebagainya.

Projek Pembangunan Dana Wakaf Oleh WPAR

Penubuhan WPAR sebagai sebuah institusi yang unik kerana mengandungi nama Perak Ar-Ridzuan simbolik kepada pembangunan wakaf daripada pengumpulan bagi manfaat masyarakat di negeri Perak. Enakmen Wakaf (Perak) 2015 yang mula berkuatkuasa pada 15 Februari 2016 yang mengandungi 10 bahagian berserta 50 seksyen, menjadi teras pengoperasian WPAR, meliputi elemen, mewujudkan wakaf istibdal dan pembangunan, wakaf pengurusan, kewangan atau sebagainya. MAIPk memperuntukkan kuasa menerusi enakmen berkenaan kepada WPAR dalam mengurus tadbir wakaf di negeri Perak. Sementara, pada Bahagian IX, Seksyen 38 urus tadbir kewangan membenarkan wang wakaf diperolehi terlibat dalam pelaburan syariah seperti di bank, institusi pelaburan atau sekuriti yang diterbitkan oleh kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan. Manakala kutipan sumbangan wakaf tunai daripada orang ramai boleh dilaksanakan bersumberkan enakmen pada Bahagian II, Seksyen 11 melalui skim-skim wakaf tertentu. Menerusi peruntukan kuasa yang diberi, WPAR dibenarkan mengutip dana wakaf di kaunter pejabat MAIPk, berhubung dengan kakitangan MAIPk seperti amil yang dilantik sama ada secara tunai, potongan gaji atau perbankan atas talian.

Penubuhan WPAR pada peringkat awal disokong oleh institusi perbankan Islam seperti Maybank Islamic yang telah memperuntukkan sejumlah RM10 juta bagi tujuan pembangunan dan pelaburan wakaf tunai. Sebanyak RM5 juta telah diguna membiayai kos pembangunan

kediaman pelajar di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) RM5 juta untuk pelaburan wakaf tunai kepada pelanggan Maybank. Pelaburan wakaf tunai ini menawarkan nilai tunai sepadan melalui aplikasi mudah maybank2u.com. Tawaran wakaf tunai sepadan ini memberi peluang kepada orang ramai mengendalikan wakaf tunai sekaligus meningkatkan jumlah pengumpulan dana oleh WPAR. Namun demikian, sejauhmana kaedah ini dapat dipromosikan dengan berkesan sehingga sampai kepada masyarakat Muslim di negeri Perak perlu dibuat penelitian lanjut.

Antara program dan projek pembangunan WPAR bagi memberi manfaat kepada penduduk di negeri Perak beserta sasaran dan jumlah kutipan yang terkumpul adalah ditunjukkan dalam Jadual 1 yang berikut:

PROJEK WAKAF	SASARAN KUTIPAN (RM)	JUMLAH KUTIPAN TERKINI (RM)
Wakaf Tunai	Tidak Terhad Peratusan: Tidak Terhad	11,702,763.00
Wakaf Bangunan Kediaman Pelajar	15,000,000.00 Peratusan: 38.55%	5,782,080.37
Program Mumtaz	10,000,000.00 Peratusan: 1.81%	180,615.24
Waqf Business Centre (Wbc)	20,000,000.00 Peratusan: 1.58%	315,382.27
Pembinaan Pusat Hemodialisis	10,000,000.00 Peratusan: 9.43%	942,772.85
Perkembangan Ilmu Al-Quran	5,000,000.00 Peratusan: 20.55%	1,027,546.64
Wakaf Bot	5,000,000 Peratusan: 3.45%	172,419.80
Dana Pembangunan Maahad Tahfiz	Tidak Terhad Peratusan: Tidak Terhad	1,181,978.06
Jumlah Keseluruhan		21,305,559.0

Jadual 1 Projek Pembangunan Wakaf oleh WPAR
Sumber: Portal Wakaf Perak (Mei 2022)

Merujuk Jadual 1, jumlah dana WPAR yang besar masih diperlukan bagi merealisasikan keseluruhan projek yang dirancang. Memandangkan kutipan dana perlu digiatkan, penyelidik tertarik untuk meneliti pelaksanaan yang dibuat atas beberapa justifikasi. Pertama, bagaimana strategi MAIPk dalam mempromosikan wakaf tunai sehingga dana kutipan tunai dapat dipertingkatkan. Keduanya, apakah medium saluran berwakaf tunai yang berkesan mengumpul dana wakaf yang disasarkan. Oleh yang demikian, medium promosi dan saluran berwakaf ini signifikan bagi menambahbaik kaedah pemasaran wakaf terkini yang dilaksana oleh WPAR. Ini kerana setiap projek pembangunan terutamanya projek berimpak besar memerlukan sumber kewangan yang tinggi untuk menampung perbelanjaan projek tersebut (Nurul Azma Abu Bakar, 2017).

Pelancaran wakaf tunai WPAR, kaedah berwakaf digital dan laporan projek-projek yang dijalankan daripada wakaf tunai seharusnya digerakkan secara bersepadu sehingga sebaran informasi sampai ke pelbagai lapisan masyarakat. Sebagai contoh, sejak 2016, MAIPk mensasarkan kutipan projek WPAR sebanyak RM65 juta yang melibatkan lapan projek wakaf (Fidlizan Muhammad et.al, 2019). Namun sehingga Mei 2022 jumlah kutipan wakaf tunai terkumpul sebanyak RM21,305,559.00 sahaja. (<https://wakafperak.gov.my>). Kadar kutipan

yang perlahan ini memberi implikasi kepada pembangunan wakaf dan perkembangan manfaat wakaf yang sepatutnya bertambah. Aset wakaf yang terbiar akibat kekurangan dana telah menyebabkan kerugian dalam mengembangkan sumber ekonomi seperti mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan sumber pendapatan dan menghasilkan pulangan daripada pelaburan yang dijana. Ini menyebabkan hasil wakaf tidak dimanfaatkan secara menyeluruh dan maksimal serta tidak berupaya dijana bagi menjamin kelestarian wakaf untuk masa akan datang.

Hal ini dipengaruhi oleh faktor sebaran maklumat wakaf tunai yang tidak menyeluruh mengakibatkan informasi tentang penubuhan dan pengurusan WPAR kurang dikenali dan diminati orang ramai. Hasil kajian Fidlizan ke atas 312 responden mendapati bahawa tahap pengetahuan berkaitan WPAR adalah rendah dalam kalangan masyarakat Islam di Perak. Bahkan, hal yang sama berlaku ke atas sebahagian responden kajian yang pernah atau sedang berkhidmat sebagai Jawatan kuasa Masjid di bawah seliaan MAIPk (Fidlizan et.al 2019). Justeru, kewujudan WPAR masih kurang diketahui oleh masyarakat Islam di Perak, apatah lagi ia berkait rapat dengan dorongan dan kesedaran untuk berwakaf tunai.

Oleh yang demikian, promosi dan galakan berwakaf tunai atau info berkenaan projek-projek wakaf perlu sampai ke pengetahuan umum. Secara tidak langsung, ia memberi kesan terhadap peningkatan jumlah penyumbang dan kutipan dana, sama ada ia bertambah ataupun tidak. Di sisi lain yang turut menjadi persoalan, setelah enam tahun pelaburan wakaf sepadan Maybank yang telah memperuntukkan RM5 juta dana tunai, namun kutipan tunai yang diterima hanya mencapai RM2 juta (Suhaimi Yusoff, 24 Februari 2022). Ini membuktikan jumlah penyertaan penyumbang masih dalam bilangan yang kecil. Maka jelas di sini, promosi dan pengetahuan merupakan faktor penting serta berperanan dalam memberi kesedaran dan pemahaman tentang wakaf lantas menjadi penentu kepada pencapaian wakaf tunai (Fidlizan, et.al 2019). Manfaat hasil wakaf tunai akan digunakan untuk kebajikan dan pembangunan ummah (JAWHAR, 2009).

Metodologi

Secara keseluruhannya, kajian ini adalah menggunakan metod kualitatif melalui kaedah temubual dan analisis dokumen. Kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan berkaitan pelaksanaan wakaf tunai di negeri Perak melalui WPAR. Protokol temubual telah dilakukan kepada Pengurus Besar Unit Wakaf dan Mal serta kakitangan agensi MAIPk yang terlibat dalam pengurusan WPAR. Fokus kajian adalah memberi tumpuan kepada konsep wakaf tunai, pemakaian hukum wakaf tunai, pelaksanaan wakaf tunai dan medium promosi wakaf tunai oleh WPAR. Data yang diperolehi daripada instrumen temubual, dokumen rasmi, kajian kepustakaan dan laman sesawang, dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan kesimpulan serta cadangan terhadap maklumat daripada hasil kajian.

Potensi Kutipan Dana WPAR

Potensi kutipan dana WPAR didorong oleh beberapa faktor seperti sifat kecairan wakaf tunai itu sendiri yang mudah diurus, fatwa hukum berwakaf tunai, medium saluran berwakaf tunai yang mudah dan pelbagai serta pelaksanaan projek-projek WPAR yang berpotensi.

1. Kecairan Sifat Wakaf Tunai

Wakaf tunai boleh dimaksudkan sebagai menggunakan mata wang perantaraan yang dikumpulkan dalam sebuah tabung amanah, ditadbir oleh nazir untuk menguruskan wakaf ini bagi tujuan kebajikan dan manfaat ummah (Shahril Rizal, Julai 2009). Istilah wakaf tunai juga merujuk kepada kecairan tunai atau dalam bentuk yang lain seperti saham syarikat, wakaf takaful, wakaf tunai korporat dan lain-lain (Mohsin, 2009). Jabatan Wakaf dan Haji (JAWHAR) mentakrifkan wakaf tunai (*cash waqf*) sebagai mewakafkan wang tunai kepada mana-mana pemegang amanah wakaf, di mana wang modalnya dikekalkan kepada penerima wakaf (*mauquf alaih*). Para *fuqaha salaf* menggunakan istilah wakaf wang dirham dan wang dinar (*waqf al-darahim waqf al-dananir*). Wang-wang tersebut akan dikumpulkan dan kemudiannya ditukarkan kepada harta kekal yang dinamakan *badal wakaf*. Penggunaan wang tunai oleh individu sebagai alat berwakaf lebih mudah untuk diurus dan dikembangkan oleh pengendali wakaf kerana kecairan sifat tunai tersebut. Langkah MAIPk dalam pengumpulan dana tunai melalui WPAR amat tepat bagi membuka penyertaan kepada lebih ramai orang dapat melakukan wakaf.

2. Fatwa Hukum Wakaf Tunai

Pada asasnya, pandangan ulama berkaitan fatwa hukum wakaf tunai terbahagi kepada tiga. **Pandangan pertama** adalah tidak membenarkan secara mutlak. Pandangan ini dipelopori oleh sebahagian ulama mazhab Hanafi, sebahagian ulama mazhab Maliki, qaul muktamad dalam mazhab Shafie dan Hanbali. Hujah yang digunakan ialah sifat wang itu sendiri yang tidak boleh digunakan melainkan dengan menukar atau melepaskannya kepada pemilik yang lain, sedangkan takrif wakaf sendiri ialah menahan sesuatu zat asal. Begitu juga dengan sebahagian pandangan yang tidak mengharuskan untuk mewakafkan barang makanan (al-Zuhaili, 1989). **Pandangan kedua** menegaskan bahawa, wakaf tunai dihukumkan sebagai makruh. Ia merupakan satu pandangan sebahagian daripada ulama mazhab Maliki iaitu Al-Hattab (1992) menyatakan “Sesungguhnya perbuatan mewakafkan dinar dan dirham serta sesuatu yang tidak dapat dikenal pasti sekiranya hilang, merupakan suatu perkara yang makruh hukumnya”.

Pandangan ketiga mengemukakan hukum harus untuk berwakaf tunai. Ia merupakan pandangan umum ulama mazhab Hanafi, salah satu pandangan ulama mazhab Shafie dan Hanbali. Ibn Abidin (1966) pernah membincangkan tentang wakaf daripada jenis wang di mana menurut beliau, walaupun fizikal harta ini tidak boleh dikekalkan, tetapi prinsip pengekalannya boleh direalisasikan melalui pertukarannya dengan harta lain yang bersifat kekal. Bertepatan dengan resolusi hukum wakaf tunai menurut ulama kontemporari dan fatwa kebangsaan di Akademi Fiqh Islam Organisation of Islamic Corporation (OIC), Majma' Fiqh Islami pada persidangannya yang ke 15 di Muscat, Oman pada 6-11 Mac 2004 (<http://www.fiqhacademy.org.sa/qrarat/15-6.htm/2.7.2021>) telah memutuskan keharusan wakaf tunai (resolusi no 140) atas sandaran wujud. Sandaran wujud ini bertepatan objektif syarak dalam pensyariaan wakaf iaitu menahan harta asal dan mengalirkan manfaat yang berkembang daripadanya. Sementara Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (AAQIFI) mendapati dalam Piawai Shariah ke 33 bernombor 3/4/4/2, membolehkan wakaf tunai digunakan tanpa menyebabkan habis dan berkurangan wang tersebut. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke 77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 juga telah memutuskan perkara yang sama iaitu berwakaf dalam bentuk tunai adalah diharuskan dalam Islam. Sementara hukum wakaf tunai menurut Majelis Ulama Indonesia (MUI) adalah harus berwakaf dengan wang tunai dengan syarat tunai tersebut dijamin kekal jumlah asal pada aset wakaf. Begitu juga kebanyakan fatwa negeri-negeri di Malaysia membolehkan atau mengharuskan berwakaf

dengan wang tunai mengikut metod dan pelaksanaan masing-masing (Ahmad Rijalluddin, 2018). Tidak ketinggalan bagi Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, yang mengambil pandangan harus berwakaf tunai selaras Muzakarah Fatwa Kebangsaan (Fidlizan et.al 2019).

3. Pelbagai Medium Saluran Berwakaf Tunai

Di Malaysia, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan pertubuhan wakaf seperti Yayasan Wakaf Malaysia (YWM,) menyediakan medium saluran berwakaf tunai yang mudah dan pelbagai. Rata-rata institusi wakaf menawarkan skim wakaf tunai dengan penetapan nilai minimum sebagai langkah menarik minat masyarakat terhadap wakaf. Selain itu, kaedah bukan skim turut dilaksanakan seperti wakaf dalam talian (*digital*). Sebagai contoh, melalui Sistem Wakaf Tunai Malaysia (SWTM) yang diperkenalkan, pengguna yang mempunyai akaun perbankan internet boleh membuat transaksi atau auto debit melalui Maybank Berhad. Selain itu, wakaf melalui wang pos dan juga wakaf di Kaunter Wakaf Tunai Malaysia turut dilaksanakan di YWM.

Bagi negeri Perak, MAIPk menggiatkan kutipan dana WPAR dengan memperkenalkan medium saluran berwakaf digital. Beberapa mekanisme pembayaran tunai dipermudahkan melalui portal wakafperak, e-Banking, infaqPay, aplikasi GoPayZ@SnapNPay. Dalam masa yang sama, saluran berwakaf melalui kaunter dan tabung bergerak juga disediakan bagi memudahkan orang ramai menyampaikan sumbangan tunai langsung di tempat masing-masing. Pembayaran wakaf tunai boleh dibuat secara tetap (potongan gaji) atau berkala di 18 cawangan pejabat MAIPk, menerusi ejen berdaftar atau kakitangan (portal wakafperak). Kaedah kutipan wakaf tunai yang ditawarkan sesuai dengan mengambilkira kepelbagaian golongan masyarakat. Manakala bagi pihak penyumbang adalah bebas membuat pilihan jenis derma yang ingin mereka lakukan (Muhammad Sofiyuddin Zakaria & Mohd Zamro Muda, 2017).

Pendanaan wakaf tunai juga diperoleh melalui kerjasama perbankan, sumbangan melalui syarikat-syarikat, badan-badan NGO dan individu korporat bagi membiayai projek-projek WPAR untuk manfaat umum (bukan berorientasikan keuntungan). Berdasarkan Seksyen 44 Akta Cukai Pendapatan 1967, seksyen ini menjelaskan bahawa semua jenis institusi, organisasi atau dana yang boleh dipertimbangkan untuk kelulusan adalah yang ditubuhkan di Malaysia dan bukan untuk mengaut keuntungan.



Rajah 1 Medium Saluran Berwakaf Tunai
Sumber: wakafperak.gov.my

4. Projek-Projek Berpotensi WPAR

Dalam mencapai objektif memperkasa wakaf tunai, WPAR telah memfokuskan empat bidang utama yang menjadi tumpuan bagi keperluan dan pembangunan masyarakat di negeri Perak iaitu dalam bidang ekonomi, pendidikan, kesihatan dan keagamaan. Manakala projek-projek wakaf tunai yang berpotensi telah dilancarkan bagi mewakili bidang-bidang tersebut seperti, wakaf tunai am, wakaf saham Maybank, wakaf bangunan kediaman pelajar, program mumtaz, *Waqf Business Centre* (WBC), pembinaan pusat hemodialisis, perkembangan ilmu al-quran, wakaf bot dan dana pembangunan maahad tahfiz. (<https://wakafperak.gov.my>).

Empat bidang utama yang menjadi tumpuan WPAR ini bertujuan mencapai aspek-aspek yang berikut:



Rajah 3: Projek-Projek Dana WPAR 2015-2021
Sumber: Portal Waqaf Perak Ar-Ridzuan

I. Peningkatan Sumber Pendapatan dan Taraf Hidup

Dana wakaf tunai WPAR menyumbang kepada potensi pembangunan ekonomi dengan peningkatan sumber pendapatan dalam kalangan rakyat. Pendapatan kasar bulanan isi rumah bagi masyarakat Perak menjadi kayu ukur tahap peningkatan taraf hidup. Menerusi dana WPAR yang dilancarkan, dapat meningkatkan tahap ekonomi masyarakat setempat serta keluar daripada cabaran kemiskinan. Antara projek-projek wakaf yang telah dan sedang berjalan ialah dana Wakaf Business Centre (WBC), projek Bot Wakaf dan projek Rumah Wakaf. (Suhaimi Yusoff, Pengurus Besar Unit Wakaf dan Mal, 2022)

Justeru, pembinaan WBC telah mewujudkan peluang menjalankan aktiviti perniagaan kepada para peniaga yang menyewa di premis tersebut. Dalam masa yang sama, langkah ini memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat sekitar meningkatkan sumber pendapatan mereka. Dana WBC yang diperoleh, digunakan bagi membina premis perniagaan di seluruh negeri Perak dengan kadar bayaran sewa yang nominal. Pembinaan WBC di beberapa lokasi

strategik dengan fasiliti asas seperti tempat solat, tandas dan lain-lain dapat memberi keselesaan kepada peniaga dan pengunjung yang datang. Justeru, objektif pelancaran dana wakaf WBC agar dapat dimanfaatkan untuk kegiatan ekonomi umat Islam di premis yang kondusif dan selamat dapat direalisasikan. (Munawir Mohamed Noh, 2022). Antara WBC yang telah siap dan beroperasi ialah WBC Masjid al Hidayah, Behrang 2020 yang terdiri daripada 6 buah unit premis perniagaan di atas tanah lot 12293 di Mukim Hulu Bernam, Daerah Muallim, Perak (<https://wakafperak.gov.my>). Premis WBC ini bersebelahan dengan Masjid Al Hidayah Bandar Behrang 2020 sekaligus mengambil nama masjid tersebut.

Selanjutnya, MAIPk memperluaskan usaha meningkatkan pendapatan masyarakat setempat melalui projek bot wakaf. Projek ini bertujuan mengumpul dana tunai bagi membuat bot-bot untuk kegunaan nelayan-nelayan. Sehubungan itu, projek bot wakaf ini memberi peluang kepada generasi muda menceburi bidang nelayan dan dapat meningkatkan sumber pendapatan nelayan melalui tangkapan laut. Dalam masa yang sama, bot ini dilengkapi dengan peralatan tangkapan laut dalam dengan dikenakan kadar sewa yang minima. Projek ini adalah usahasama dengan *Maybank Islamic* melalui dana *Mywakaf*. Namun begitu, atas beberapa kekangan dan halangan yang timbul menyebabkan projek wakaf bot pertama telah digunakan untuk aktiviti-aktiviti dakwah dan kebajikan sosial (Munawir Mohamed Noh, 2022).

Di samping itu, projek rumah wakaf juga dapat menampung keupayaan ekonomi masyarakat melalui pembiayaan rumah kediaman oleh MAIPk di atas tanah-tanah wakaf, tanah-tanah yang bergeran atau sebahagiannya adalah rumah atau kediaman yang diwakafkan oleh individu. Rumah-rumah wakaf di seluruh Perak seperti di Taiping, Bagan Serai dan Ipoh disewakan kepada orang Islam yang memerlukan dengan kadar yang munasabah. Hasil sewaan yang diperolehi akan digunakan oleh MAIPk untuk membina rumah-rumah wakaf yang lain dengan kadar sewa yang rendah setelah ditolak sebahagian daripadanya untuk kos pengurusan dan penyelenggaraan. Usaha MAIPk dalam membangunkan tanah wakaf am dengan mendirikan rumah-rumah wakaf dapat memberi kemudahan kepada masyarakat Islam khususnya daripada terpaksa menyewa dengan kadar yang tinggi di kawasan setempat. Perkara ini jelas menunjukkan dana wakaf berpotensi dalam meningkatkan sumber pendapatan dan taraf hidup rakyat negeri Perak.

II. Pembangunan dan Perkembangan Pendidikan

Di negeri Perak, perkembangan pengajian tahfiz al Quran mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan masyarakat sama ada di institusi tahfiz kelolaan kerajaan mahupun yang berdaftar sebagai institusi tahfiz swasta. Statistik merekodkan sebanyak 93 buah maahad tahfiz swasta yang berdaftar dengan JAIPk sehingga tahun 2022, beroperasi secara aktif (<https://www.jaipk.edu.my>). Maahad tahfiz yang dibina oleh individu, kumpulan atau komuniti masyarakat sangat memerlukan dana kewangan daripada MAIPk sebagai badan yang bertanggungjawab mengurus hal ehwal berkaitan agama. Antara cabaran utama MAIPk adalah menyalurkan bantuan kewangan bagi pembiayaan pengurusan dan penyelenggaraan yang dihadapi oleh maahad tahfiz ini. Tambahan pula, institusi ini tidak mendapat peruntukan dana kewangan tetap daripada kerajaan, bahkan banyak bergantung kepada sumbangan daripada orang ramai yang tidak menentu. Sekalipun terdapat sebahagian daripada maahad tahfiz Perak yang menjalankan pelbagai aktiviti bagi menjana kewangan institusi, namun kos operasi dan pembangunan yang diperlukan adalah tinggi dan sentiasa meningkat dari tahun ke tahun.

Sehingga kini, dana tunai pembangunan tahfiz yang mula dikutip pada tahun 2021 telah mencapai kutipan sebanyak RM1,181,978.06 pada Mei 2022. (<https://wakafperak.gov.my>). Dana Pembangunan Maahad Tahfiz yang diwujudkan bagi menyediakan bantuan kewangan kepada institusi tahfiz yang memerlukan telah dapat membiayai keperluan pembangunan fizikal seperti infrastruktur, keselamatan, kemudahan pembelajaran dan lain-lain. Dana tunai ini bukan sahaja dapat meringankan beban kewangan institusi tahfiz bahkan membuka peluang kepada orang ramai berwakaf dalam bidang Pendidikan dan perkembangan al Quran khususnya masyarakat Islam di negeri Perak. Bagi memastikan dana pembangunan ini dapat diagihkan sesuai keperluan institusi terbabit, MAIPk menjalinkan kerjasama dengan JAIPk bagi memperoleh data yang tepat. Setakat ini, lebih 40 maahad tahfiz yang memohon telah mendapat bantuan kewangan.

Di samping itu, dana wakaf ilmu seperti program Mumtaz dijalankan kepada pelajar-pelajar yang bakal menghadapi peperiksaan utama sama ada di peringkat rendah dan menengah seperti Seminar Kecemerlangan UPSR dan Seminar Jaya SPM. Oleh itu, MAIPk telah mensasarkan RM10 juta kutipan dana Wakaf Ilmu Mumtaz bagi meningkatkan pencapaian pembelajaran seterusnya memberi impak positif dalam bidang pendidikan. Sehingga Mei 2022, jumlah kutipan terkumpul bagi dana program Mumtaz adalah RM180,615.24. (<https://wakafperak.gov.my>)

Manakala, dalam temubual bersama Tuan Suhaimi menjelaskan berkenaan dana Wakaf Kediaman Pelajar bagi pembinaan asrama Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) ini telah siap diduduki pelajar pada tahun 2018. Keperluan pembinaan asrama USAS ini berikutan peningkatan jumlah pelajar yang ramai, tidak dapat ditampung dengan kemudahan asrama sedia ada. Keadaan ini menyebabkan pelajar terpaksa menyewa di luar kampus dengan kos sewaan yang tinggi (usas.edu.com). Oleh itu, dana kutipan wakaf bangunan kediaman pelajar pertama di atas tanah lot wakaf Mukim Sayung, daerah Kuala Kangsar telah mula dibina pada bulan Mac 2016 dengan konsep apartmen lima tingkat sebanyak dua blok dengan 75unit telah memberi manfaat yang besar dalam bidang pendidikan (Berita Harian, 2017).

III. Kemudahan Pusat Rawatan Kesihatan

Pembinaan pusat hemodialisis wakaf di negeri Perak bertujuan memberi kemudahan kepada pesakit buah pinggang bagi mendapatkan perkhidmatan dan rawatan pada kadar yang rendah dan berpatutan. Kemudahan pusat kesihatan ini memberi impak positif terutama kepada pesakit dalam kalangan asnaf dan juga kepada masyarakat setempat berikutan kos rawatan bagi rawatan dialisis di hospital swasta menelan belanja yang tinggi. Bahkan dalam rekod MAIPk, sehingga Jun 2016, sejumlah lebih 700 pesakit mendapat bantuan rawatan dialisis. Bahkan berlaku peningkatan jumlah pesakit setiap tahun yang memohon bantuan rawatan daripada MAIPk. Pemilihan Kawasan tertentu bagi pembinaan pusat hemodialisis mengambil kira faktor bilangan pesakit buah pinggang yang ditanggung pembiayaannya oleh sumber zakat. Oleh yang demikian, daerah Manjung menjadi daerah pertama dibina pusat hemodialisis wakaf dengan kerjasama Pusat Perubatan Ar Ridzuan (PPAR), (Munawir Mohamed Noh, 2022). Oleh yang demikian, inisiatif pembinaan pusat hemodialisis dengan jalinan kerjasama dengan PPAR telah dapat membina hubungan bersepadu dengan pusat kesihatan serta lain-lain agensi yang terlibat. Justeru, semua projek di bawah WPAR diwujudkan bertujuan untuk memberi manfaat umum dan manfaat kepada masyarakat di seluruh Negeri Perak dan tidak sekali-kali bertujuan mengaut keuntungan (Munawir Mohamed Noh, 2022).

Dapatan Kajian

Berikutan temubual penyelidik dengan Pengurus Besar Bahagian Pengurusan Mal dan Wakaf MAIPk, Pengurus Besar Bahagian Pemasaran dan Pengurus Unit Dakwah, didapati tenaga kerja seramai 9 orang di bahagian pemasaran tidak mencukupi bagi menjalankan kerja-kerja mempromosi wakaf tunai ke seluruh negeri Perak. Tugas mempromosi wakaf ini dijalankan di ibu pejabat sedangkan pejabat cawangan baitulmal setiap daerah tiada pegawai yang dilantik menjalankan kerja-kerja promosi mengikut daerah masing-masing. Gerakkerja promosi adalah signifikan dengan jumlah kutipan yang diperolehi. Bahkan pertindanan tugas bagi kakitangan yang sama dalam menjalankan kutipan zakat dan wakaf turut mempengaruhi jumlah kutipan serta momentum pemasaran wakaf tunai (Muhammad Faiz, 9 Sept 2022). Sebagai contoh, pada satu-satu tempoh tertentu, apabila bahagian pemasaran melancarkan iklan dan promosi ke atas dana zakat, maka didapati kutipan dana zakat meningkat. Sebaliknya kutipan untuk dana wakaf didapati menurun, begitu juga sebaliknya. Apabila promosi difokuskan kepada dana wakaf, maka kutipan dana zakat berkurangan. Hal ini disebabkan penggunaan tenaga kakitangan dan pegawai yang sama bagi menjalankan tugas yang berbeza, sedangkan jumlah mereka adalah terhad. Manakala dari sudut kerjasama dan sokongan oleh agensi-agensi MAIPk dalam menjayakan aktiviti promosi wakaf tunai adalah secara tidak langsung sahaja (Suhaimi Yusoff, 24 Februari 2022). Bahkan terdapat sebahagian agensi-agensi MAIPk kurang mengambil cakna dengan program-program wakaf yang dianjurkan. Ini bermakna agensi-agensi berkenaan kurang memberi sokongan dan berganding bahu bagi memastikan matlamat penubuhan WPAR dapat direalisasikan (Fidlizan Muhammad, 2019). Perkara ini juga ada dinyatakan dalam kajian terdahulu bahawa, walaupun penduduk bertambah pada abad ini, peningkatan sumbangan wakaf tidak signifikan (Ismail, et.al, 2015).

Kesimpulan dan Cadangan

Potensi kutipan tunai adalah berkait rapat dengan kejayaan dalam mempromosikan wakaf tunai kepada awam. Bahkan, dalam kajian di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) mendapati, sebilangan besar masyarakat lebih cenderung mendapatkan informasi dan berwakaf melalui kempen-kempen ke lapangan berbanding secara digital (Safura Ahmad dan Nur Fikhriah Takril, 2017). Namun kekurangan sumber tenaga kerja dalam menjalankan kerja-kerja mempromosi WPAR menyebabkan informasi berkenaan projek-projek wakaf tunai Perak terbatas dalam ruang lingkup yang sempit. Promosi WPAR seharusnya sampai ke segenap lapisan masyarakat negeri Perak dan diperluaskan ke negeri-negeri lain bagi memastikan dana yang disasar dan projek yang dirancang dapat dicapai. Implikasi daripada sumber manusia yang terbatas menjadikan momentum kutipan dana tunai kecil dan projek pembangunan wakaf adalah perlahan. Oleh yang demikian, gerakkerja promosi WPAR, saluran berwakaf pelbagai dan laporan projek-projek wakaf tunai seharusnya digerakkan secara bersepadu sehingga sebaran informasi sampai ke serata lapisan masyarakat. Untuk mengatasi isu ini, konsep integrasi dalam penyebaran maklumat berkaitan dengan wakaf tunai perlu didukung oleh banyak pihak. Sehubungan itu, MAIPk perlu mengambil perhatian serius terhadap keperluan sumber manusia yang mencukupi dan mahir bagi mengendalikan iklan dan pemasaran WPAR serta aktiviti-aktiviti berkaitan kutipan dan agihan projek wakaf tunai. Bahkan pelaporan dan pendedahan kutipan dan agihan wakaf tunai yang baik dapat menarik orang ramai untuk berwakaf (Mohd Firdaus Badrul Hisham & Mohd Rizal Muzawir, 2021). Gabungan promosi dan pelaporan bersepadu ini akan melonjakkan dana kutipan rentetan daripada keyakinan terhadap kecekapan sumber manusia dalam mengurus wakaf tunai secara efektif.

Rujukan

- Abdul Hamid Mar Iman & Muhammad Tahir Sabit Mohamad (2014), *Waqf Property: Concept, Management, Development, and Financing*, Skudai: UTM Press.
- Ahmad Rijalluddin Mohd Ramli (2018), Pelaksanaan Wakaf Tunai di Perbadanan Wakaf Selangor, *Disertasi* Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI.
- Aminah, M & Mohammad Tahir Sabit, M (2015). The Effectiveness of Saham Waqf On Funds For Development Projects In Malaysia. *Inernational Journal of Real Estate Studies* 9(2), 16-37.
- Asharaf, M.R. & Abdullaah, J. (2014). Model Perbankan Wakaf Korporat: Analisis Wakaf Selangor Muamalat. *Jurnal Pengurusan*42, 159 -167
- Asmak, A. R. (2009). Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia. *Jurnal Syariah* 17(1): 113-152
- Che Khadijah Hamid. (2010). Wakaf tunai di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP): Satu tinjauan awal sorotan karya. *Kertas Kerja dibentangkan di The 5th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW10)*, anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), di Dewan Persidangan Utama USM, pada 21-22 September 2010.
- Enakmen Wakaf Negeri Perak (2015). <http://www2.esyariah.gov.my>
- Faiz, O.A. (2014). An Analysis of Cash Waqf Participant among Young Intellectuals. In *Istanbul 9th International Academic Conference*. 13 April 2014
- Fidlizan Muhammad et al.(2019) “Tahap Kesedaran Masyarakat Islam di Perak Mengenai Wakaf Perak Ar-Ridzuan.” *Sains Humanika* 11, (3): 63-69.
- Hasanuddin Yusoff (2017). “*The Power of Waqf*” Negeri Sembilan Darul Khusus: Spring Forest Enterprise.
- Haslindar Ibrahim, Afizar Amir & Tajul Ariffin Masron. (2013a). Cash Waqf: An innovative instrument for economic development. *International Review of Social Sciences and Humanities* 6(1): 1-7
- <Http://wakafperak.gov.my/portal/index.php/ms>
- <Https://wakafperak.maiamp.gov.my/v1/index.php/hubungi-kami>
- <Https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/11/886577/pelan-induk-wakaf-nasional-dirangka>
- <Http://jaipk.perak.gov.my/>
- <Http://www.fiqhacademy.org.sa/qrrarat/15-6.htm/2.7.2021>
- <Https://www.usas.edu.my/>
- <Https://www.jawhar.gov.my/>
- <Https://www.hmetro.com.my/addin/2019/12/523677/memanfaat-tanah-wakaf>
- <Https://www.jawhar.gov.my/>
- Ibnu Abidin, Muhammad Amin (1996), *Hasyiah Radd Al Mukhtar Ala Al Durr Al Mukhtar*, Dar Al Fikr
- Megat Mohd Ghazali, M.A.R. & Asiah, O. (2006). Pembangunan Tanah Wakaf: Isu, Prospek dan Strategi. In *Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006*. Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, di Hotel Legend Kuala Lumpur, pada 12-14 September 2006
- Mohamad Salleh Abdullah. (2009). *Malaysia perlu transformasi pengurusan wakaf*. Utusan Malaysia, 25 Disember 2009
- Mohamad Zaharuddin Zakaria, Ahmad Zaki Salleh, Mushaddad Hasbullah, Abdul Manan Ismaili, Mohd Nasir Abdul Majid, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali dan Mohd Afiq Ab Jalil (2019) “Wakaf Sukuk-Pembangunan Aset Wakaf Melalui Sukuk Berdasarkan Konsep Istibdal” *Jurnal of Fatwa Management and Research*, Vol 16, No 2

- Mohamad Zaim, I., Muhammad Ikhlas, R & Mohd Anuar, R (2015). *Pemeriksaan Wakaf Di Malaysia: Satu Sorotan. Labuan e-Journal of Muamalat and Society 9, 1-13.*
- Mohd Firdaus Badrul Hisham & Mohd Rizal Muzawir (2021), *Analisis Amalan Pelaporan dan Pendedahan Maklumat Wakaf di Malaysia, Labuan E-Jurnal Of Muamalat And Society, UMS, 15: 86*
- Muhammad Faiz bin Zakaria dalam temubual di ibu pejabat MAIPk pada 9 Sept. 2022 jam 2.00 petang
- Muhammad Sofiyuddin Zakaria & Mohd Zamro Muda (2017), *Sorotan Literatur Wakaf Tunai di Malaysia. Jurnal Islamiyyat 39 (1): 39-46.*
- Munawir Mohamed Noh, *Webinar Sembang Wakaf Bersama MAIN 2022, Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) dan Jabatan Wakaf dan Haji (JAWHAR) 12 April 2022, melalui aplikasi zoom.*
- Najibah, M. & Mohd Zamro, M. (2014). *Pengurusan Wakaf Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur. UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies (1): 45-57*
- Nor Asiah, M. (2018). *Perkembangan Terkini Enakmen Wakaf Di Malaysia: Adakah Komprehensif?. Jurnal Kanun 30(2), 362-382*
- Norizah, M. & Asmak, A.R. (2015). *Wakaf Penjagaan Kesihatan: Kajian Kes Di Hospital Waqaf An-Nur. Jurnal Syariah 23(3) :401-434*
- Nurul Azma Abu Bakar et al. (2017), “Kaedah Pembangunan Tanah Wakaf oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk),” *Journal of Islamic, Social, Economics and Development 2, no. 4 : 5*
- Razali Othman. (2013). *Institut Wakaf Sejarah dan Amalan Masa Kini. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.*
- Safura Ahmad dan Nur Fikhriah Takril (2017) *Faktor-faktor Mempengaruhi Sumbangan Wakaf Tunai di Kuis. Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM2017) :362-372.*
- Sanep Ahmad & Nur Diyana Muhamed (2011), “Institusi Wakaf dan Pembangunan Ekonomi Negara: Kes Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia” *Kertas Kerja, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI, Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Transformasi ke Arah Peningkatan Inovasi, Produktiviti dan Kualiti Hidup, 5-7 Jun 2011*
- Siti Mashitoh, M. (2007). *Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah Dan Undang-Undang Serta Aplikasinya Di Malaysia. Jurnal Syariah 15(2): 61-83*
- Siti Mashitoh, M, Asmak, A.R., Azizi, C.S., Suhaili, S. & Nor Aini, A. (2009). *Konsep Dan Aplikasi Produk Wakaf Kontemporari Di Malaysia: Saham Wakaf Dan Wakaf Saham. In Kertas Kerja Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan 2009. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 10 -11 Februari 2009.*
- Suhaimi Yusoff, dalam temubual beliau bersama penyelidik pada 24 Februari 2022 secara dalam talian jam 3.00 petang
- Syahnaz Sulaiman. (2016). *Transformasi Pembangunan Harta Wakaf Menerusi Mekanisme Dana Amanah Hartanah Islam. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur*